

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1995/96

Jun 1996

PLG 324 - Sosiologi Pendidikan

Masa: [ 2 jam ]

---

**Arahan:** Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Anda dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan dengan menjawab soalan 1 dan DUA (2) soalan lain dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A [ 40 markah]**

1. Berdasarkan pengalaman anda semasa latihan mengajar di sekolah baru-baru ini, bincang dengan merujuk kepada contoh-contoh yang nyata bagaimana pengajian kursus Sosiologi Pendidikan menyumbang kepada pemahaman anda tentang hubungkaitan antara sekolah dengan masyarakat. Seterusnya jelaskan bagaimana pemahaman ini boleh meningkatkan tahap profesionalisme perguruan anda.

[ 40 markah ]

**BAHAGIAN B [ 60 markah]**

Pilih dan jawab DUA (2) soalan dari bahagian ini.

2. Di antara teori baka dan teori budaya, yang mana satukah adalah lebih munasabah untuk menjelaskan perbezaan pencapaian akademik di kalangan murid di Malaysia? Bincang dengan merujuk kepada contoh atau kajian tempatan.

[ 30 markah ]

... 2/.

3. Dengan merujuk kepada konteks pendidikan di Malaysia pada hari ini, dan dengan menggunakan contoh-contoh yang nyata, bincangkan cara dan keberkesanannya sekolah-sekolah kerajaan berfungsi sebagai agen:-

- (a) perpaduan sosial
- (b) penyalor ilmu pengetahuan dan kemahiran
- (c) pemilihan dan alokasi.

[ 30 markah ]

4. "Students no longer respect teachers, unlike the old days. This is because they know that the teachers cannot do anything to them".

[Pelajar-pelajar hari ini tidaklah serupa dengan pelajar-pelajar pada masa dahulu. Mereka tidak lagi menghormati guru. Ini ialah kerana mereka tahu bahawa guru tidak berkuasa melakukan sesuatu ke atas mereka].

(YB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, dalam The Star, 14.5.96).

Petikan di atas adalah kenyataan YB Menteri Pendidikan Malaysia tentang keseriusan masalah disiplin di kalangan murid di sekolah baru-baru ini.

- (a) Hurai dengan memberi contoh-contoh yang nyata, dua teori sosial yang munasabah untuk menjelaskan punca kemerosotan disiplin di kalangan murid sekolah di Malaysia hari ini.
- (b) Adakah anda bersetuju dengan kenyataan bahawa "... guru tidak berkuasa melakukan sesuatu ke atas mereka"? Bincangkan beberapa pendekatan yang boleh diambil atau diamalkan oleh para guru untuk menangani masalah kemerosotan disiplin di kalangan murid sekolah.

[ 30 markah ]

5. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang nyata, bincangkan peranan sekolah dan guru sebagai faktor penolak dan faktor penebat yang mempengaruhi pencapaian akademik murid sekolah.

[ 30 markah ]

--oo0oo--